



SEBAHAGIAN penduduk Kampung Lubuk Keriang, Mukim Lesong, Pokok Sena mengadakan Rumah Terbuka Aidilfitri di atas jalan tali air kampung itu, kelmarin. 4M 26/10/2006

## Sambut Aidilfitri di jalan tali air

POKOK SENSA 25 Okt. – Walaupun rata-rata rumah di Kampung Lubuk Keriang, Mukim Lesong di sini ditenggelami air sehingga satu meter, Hari Raya Aidilfitri tetap disambut meriah oleh 50 keluarga kampung tersebut dengan menganjurkan rumah terbuka.

Yang menariknya ialah rumah terbuka itu diadakan di atas jalan di tepi tali air atau 'ban' yang belum ditenggelami air.

Sambutan meriah itu bermula selepas sembahyang sunat Aidilfitri dan diadakan di bawah tiga buah khemah yang dihadiri oleh lebih 180 anggota keluarga mangsa banjir berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Lubuk Keriang, Arof Awang, 60, berkata, ilham untuk mengadakan rumah terbuka itu dicetuskan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Bukit Lada, Ariffin Man setelah mendengar keluhan penduduk kampung terbabit yang khuatir tidak dapat menyambut Hari Raya ekor ban banjir.

"Inilah pertama kali kami menyambut Aidilfitri dalam keadaan banjir. Walaupun sambutan tidak seperti di rumah sen-

diri, tetapi ia tetap meriah dan lebih penting lagi, kami tidak menyambutnya di pusat penempatan banjir di dewan orang ramai Kampung Lubuk Keriang," katanya ketika ditemui di rumah terbuka itu di sini, semalam.

Arof berkata, memandangkan sambutan cukup menggalakkan, mereka mungkin akan menganjurkan majlis seperti itu pada tahun-tahun akan datang tetapi bukan di jalan tali air itu, sebaliknya di kawasan lapang di kampung tersebut.

Seorang lagi penduduk, Salmah Shafie, 52, berkata, penduduk kampung juga bergotong-royong memasak juadah utama seperti lemang, rendang, ketupat pulut dan serunding bagi menimbulkan semangat raya di kalangan mereka.

"Susah juga hendak memasak dalam keadaan banjir, nasib baik ada juga beberapa tempat yang tinggi sikit dan tidak dinaiki air, jadi di situlah kami semua memasak," katanya.

Dia turut gembira kerana kemeriahan sambutan itu turut diraikan bersama enam anaknya yang lain termasuk yang menetap di luar Kedah.